

01/03/2001

Globalisasi patut turut memanfaatkan negara miskin

GLOBALISASI ekonomi bukan satu proses baru. Sejak lima kurun lalu lagi, syarikat dari negara-negara yang ekonominya maju, sudah secara beransur-ansur memperluaskan jangkauan mereka melalui kegiatan perdagangan dan pengeluaran ke pelbagai wilayah di seluruh dunia. Namun, cuma sepanjang dua atau tiga dekad lalu, globalisasi ekonomi dilihat semakin pesat berikutan pelbagai faktor, antaranya kemajuan teknologi selain dasar liberalisasi yang pelaksanaannya merentasi dunia.

Pengarah Rangkaian Dunia Ketiga, Malaysia, Martin Khor, dalam kertas kerjanya pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Globalisasi di Kuala Lumpur yang berakhir kelmarin, merumuskan aspek terpenting globalisasi ialah meruntuhkan halangan ekonomi kebangsaan, penebaran perdagangan antarabangsa, kegiatan kewangan dan pengeluaran serta meningkatnya kuasa perbadanan transnasional dan institusi kewangan antarabangsa. Sambil globalisasi adalah proses tidak seimbang, dengan peningkatan perdagangan dan pelaburan tertumpu hanya ke beberapa negara, hampir kesemua negara turut terjejas oleh proses berkenaan.

Antara contohnya, Khor menyatakan sebuah negara berpendapatan kecil mungkin hanya menyumbang kepada sebahagian amat kecil dalam perdagangan dunia. Tetapi perubahan dalam permintaan terhadap komoditi eksportnya atau satu dasar untuk kerap mengurangkan duti importnya, boleh menyebabkan kesan ekonomi dan sosial yang besar terhadap negara terbabit. Negara itu mungkin hanya berperanan kecil dalam perdagangan dunia tetapi perdagangan dunia mempunyai kesan amat besar ke atasnya, malah kesannya mungkin jauh lebih besar berbanding ke atas beberapa negara yang ekonominya lebih maju. Hakikat inilah yang sering tidak diindahkan.

Liberalisasi luaran ekonomi kebangsaan pula meliputi langkah meruntuhkan halangan kebangsaan terhadap kegiatan ekonomi. Ini seterusnya akan menghasilkan keterbukaan lebih besar dan peraduan negara-negara dalam pasaran dunia. Senada dengan pendapat itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu Forum Boao Untuk Asia di Hainan kelmarin, bahawa negara kaya menggesa negara miskin membuka ekonomi hanya untuk mereka mengeksploitasinya. Di sebalik hujah bahawa kemasukan modal ke negara miskin turut memberi manfaat kepada negara terbabit, ia juga boleh membawa kesan sebaliknya. Sebagaimana dikhuatiri oleh Perdana Menteri, ekonomi negara berkenaan boleh runtuh pada ketika globalisasi akan hanya memberi keuntungan kepada negara kaya.

Dalam hubungan ini, kita melihat saranan Dr Mahathir agar cukai dikutip daripada negara kaya untuk disalurkan kepada negara miskin oleh sebuah agensi antarabangsa di bawah pemerhatian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai sesuatu yang amat bernas. Sekalipun negara kaya - yang mengamalkan dasar perlindungan bagi memelihara kepentingan mereka - tidak akan mudah bersetuju, ia sebenarnya berupaya menjadi `benteng' buat negara membangun dan negara miskin mengelak daripada terus tertindas dan ketinggalan. Sekurang-kurangnya Asia boleh bersatu padu memperjuangkannya demi mengelakkan globalisasi hanya memberi manfaat kepada segelintir tetapi mendatangkan mudarat kepada negara selebihnya.

(END)